



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/03/15 (HQ)

### USAH TERPEDAYA SINDIKET BIL ELEKTRIK

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengingatkan pengguna agar tidak terpengaruh dan tertipu dengan ejen persendirian atau sindiket dalam urusan pembayaran bil elektrik mereka.

Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir berkata TNB tidak pernah melantik ejen persendirian untuk menghubungi atau mendekati pengguna secara terus bagi sebarang tujuan pembayaran bil elektrik.

"Justeru, jangan mudah terpengaruh dengan sebarang taktik yang digunakan anggota sindiket.

"Kami ada menerima aduan pengguna yang tertipu dengan tawaran diskauan bil sehingga 45 peratus."

Menurut Ir. Kamaliah, bayaran boleh dijelaskan dikaunter Pusat Khidmat Pelanggan TNB, perkhidmatan *online*, serta di institusi kewangan, Jabatan/Agensi Kerajaan dan Syarikat pihak ketiga yang menjalankan operasi kutipan bil dari lain-lain utiliti dan pembekal perkhidmatan.

Sebagai organisasi yang sentiasa mengutamakan pelanggan, TNB menyediakan pelbagai saluran pembayaran bagi memudahkan pengguna. TNB juga sentiasa memastikan pengguna mendapat maklumat yang tepat berkaitan pembayaran bil elektrik bulanan mereka.

"Ingin diingatkan, Ejen Kutipan TNB tidak akan menghubungi atau mendekati pengguna bagi memaklumkan penggunaan bil elektrik yang perlu dibayar dan seterusnya mengambil bayaran terus dari pengguna."

Ejen Kutipan bil elektrik TNB yang sah hanya menerima pembayaran dalam bentuk:

- i. Tunai (Kaunter Pembayaran, Kiosk Layan Diri dan Mesin Deposit Tunai)
- ii. Debit Terus Kad Kredit (*Online, Autopay, Phone Banking*)
- iii. iDebit Terus, Akaun Simpanan & Akaun Semasa (*Online, Autopay, Direct Debit, Phone Banking, Mesin ATM*).
- iv. Ejen Kutipan TNB juga tidak menerima sebarang pembayaran melalui Cek/Deraf Bank.

S.A. 2016/03/15 (HQ)

“Pengguna akan dihubungi Ejen Kutipan hutang TNB sekiranya mereka mempunyai tunggakan bil elektrik yang telah tamat tempoh kredit. Namun, pengguna tidak akan diminta membuat bayaran terus kepada ejen berkenaan.

“Semua pembayaran bil elektrik perlu dijelaskan di saluran pembayaran TNB yang sah sahaja. Jadilah pengguna yang bijak agar tidak menjadi mangsa sindiket penipuan ini,” kata Ir Kamaliah lagi.

Layari laman web <http://www.tnb.com.my> untuk mengetahui senarai saluran pembayaran bil elektrik TNB.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 1:00 petang, 9 Mac 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) /  
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*